

Newspaper	Berita Harian
Date	29 July 2015

Keputusan amat sukar: PM

BH - 29/7/2015

» Pelantikan Zahid sebagai Timbalan Perdana Menteri jamin kejutan pentadbiran

Oleh Magendran Rajagopal, Irwan Shafrizan Ismail dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Datuk Seri Najib Razak mengakui keputusan menggugurkan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan diganti dengan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi adalah amat sukar tetapi terpaksa diiakukan.

Perdana Menteri menegaskan ia terpaksa dilakukan supaya Jemaah Menteri dapat bergerak sebagai satu pasukan yang jitu.

"Saya boleh menerima perbezaan pendapat dan kritikan sebagai sebahagian daripada proses dalam membuat keputusan. Namun, sebagai ahli Kabinet, perbezaan pendapat dan pandangan tidak sepatutnya dilakukan pada forum terbuka yang boleh menjejaskan pandangan umum terhadap

kerajaan serta negara.

"Ia juga bertentangan dengan konsep tanggungjawab bersama Kabinet (collective responsibility). Keputusan saya menggantikan Timbalan Perdana Menteri, menggugurkan empat orang Menteri dan seorang Timbalan Menteri serta perubahan portfolio, dibuat selepas mengambil kira pertimbangan politik dan kepentingan pentadbiran.

Fokus bangun negara
"Ini bagj memastikan pentadbiran di bawah saya terus komited, sentiasa fokus kepada usaha pembangunan negara seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) kepada rakyat pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13)," katanya pada sidang media di Perdana Putra, di sini semalam.

Pengguguran itu ada kaitan dengan teguran Muhyiddin berhubung siasatan berkaitan Malaysia Development Berhad (IMDB) walaupun Pejabat Perdana Menteri sudah memaklumkan siasatan sedang bejjalan dan pihak yang menjalankan siasatan berhubung IMDB perlu diberi ruang untuk menjalankan tugas mereka.

Baru-baru ini, Muhyiddin berkata, beliau mahu siasatan semua peringkat membabitkan IMDB diselesaikan segera bagi menghapuskan tanda ta-

nya dan kekeliruan rakyat berkaitan kontroversi syarikat berkenaan yang turut menjejaskan sokongan kepada BN.

Rombakan Kabinet itu adalah selaras dengan perenggan (b) Fasal (2) Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan mengenai pelantikan Menteri Persekutuan dan Fasal (1) Perkara 43A mengenai pelantikan Timbalan Menteri Persekutuan.

Najib menjelaskan, rombakan juga bagi memperkukuhkan Jemaah Menteri dalam menghadapi cabaran menguruskan negara sebelum

tt
Sebagai ahli Kabinet, perbezaan pendapat dan pandangan tidak sepatutnya dilakukan pada forum terbuka yang boleh menjejaskan pandangan umum terhadap kerajaan serta negara"

Najib Razak,
Perdana Menteri

PRU-14.

Katanya, Jemaah Menteri perlu bertindak sebagai satu pasukan yang jitu dalam apa juga keadaan bagi melangsungkan agenda pembangunan negara dan menguruskan isu-isu negara yang berbangkit supaya dapat bertindak dengan berkesan.

Najib ucap terima kasih "Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas khidmat bakti yang dicurahkan oleh Tan Sri Muhyiddin. Begitu juga oleh Menteri dan Timbalan Menteri yang kini tidak lagi bersama saya dalam pentadbiran kerajaan.

"Insya-Allah, saya yakin senarai Kabinet yang baharu ini dapat meneruskan hasrat kerajaan untuk menjayakan segala perancangan yang dijanjikan dan meningkatkan keyakinan serta sokongan rakyat kepada Kerajaan BN," katanya.

Najib turut memaklumkan, Yang di-Pertuan Agong sudah memperkenankan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia di hadapan baginda diadakan jam 10 pagi ini di Istana Negara, Kuala Lumpur.

OCabaran, harapan Kabinet baharu - Muka 28